



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PELAN STRATEGIK

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

2026 - 2030

PERAKAUNAN DAN KEWANGAN MAMPAN
MELALUI PENDIGITALAN



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PELAN STRATEGIK

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

2026 - 2030

PERAKAUNAN DAN KEWANGAN MAMPAN
MELALUI PENDIGITALAN



KANDUNGAN

| | |
|--|-----------|
| PERUTUSAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA | 2 |
| RINGKASAN EKSEKUTIF | 4 |
| MAKLUMAT KORPORAT | 6 |
| Latar Belakang Jabatan | |
| Punca Kuasa dan Fungsi Jabatan | |
| Carta Organisasi | |
| Visi, Misi, Objektif dan <i>Tagline</i> | |
| Nilai Bersama | |
| Pihak Berkepentingan, Pelanggan dan Rakan Strategik | |
| PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK JANM 2024 - 2025 | 14 |
| Pencapaian Pelan Strategik <i>Business</i> (BSP) 2024 - 2025 | |
| Pencapaian Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) 2024 - 2025 | |
| HALA TUJU PELAN STRATEGIK JANM 2026 - 2030 | 18 |
| Analisis Persekitaran | |
| Penjajaran dengan Hala Tuju Kerajaan | |
| PELAN STRATEGIK JANM 2026 - 2030 | 34 |
| PEMANTAUAN DAN PENILAIAN | 52 |
| FAKTOR KEJAYAAN PELAN STRATEGIK JANM 2026 - 2030 | 54 |
| PENUTUP | 58 |
| LAMPIRAN | 60 |
| Glosari | |
| Penghargaan | |

PERUTUSAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah berjaya menyediakan Pelan Strategik JANM 2026 – 2030. Pelan ini merupakan manifestasi komitmen strategik jabatan dalam mengemudi gelombang perubahan landskap penyampaian perkhidmatan sektor awam serta menghadapi cabaran ekonomi domestik dan global. Dokumen ini memperincikan hala tuju strategik yang menuntut lonjakan produktiviti berasaskan teknologi bagi merekayasa dasar perakaunan dan kewangan sektor awam yang lebih progresif serta adaptif.

Selaras dengan mandat JANM sebagai peneraju utama dalam bidang perakaunan dan kewangan sektor awam, pelan ini digubal bagi memperkukuh usaha jabatan dalam memastikan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan dilaksanakan secara profesional, teratur dan berintegriti seiring harapan pihak berkepentingan. Melalui strategi yang digariskan, JANM beriltizam untuk terus memantapkan kualiti perkhidmatan, memperluas inovasi digital serta memperkukuh keupayaan modal insan bagi memenuhi tuntutan era pendigitalan dan keperluan semasa.

Proses penyediaan pelan ini melibatkan sumbangan idea dan kepakaran daripada pelbagai pihak, digarap secara realistik selaras dengan matlamat strategik yang ditetapkan. Saya amat berharap agar Pelan Strategik JANM 2026 – 2030 dapat dilaksanakan secara menyeluruh, berfokus dan berpaksikan hasil (*outcome-based*) bagi memastikan penyampaian perkhidmatan perakaunan dan kewangan Kerajaan dapat dipertingkatkan dari segi kecekapan, ketelusan serta impaknya.

Justeru, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas komitmen, kerjasama dan dedikasi semua pihak yang terlibat dalam penghasilan pelan ini. Semoga Pelan Strategik JANM 2026 – 2030 dapat melonjakkan lagi peranan JANM sebagai organisasi yang menerajui perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam secara dinamik, profesional dan mampan.

Sekian, terima kasih.



Pelan Strategik JANM 2026 - 2030 dirangka secara menyeluruh, progresif dan adaptif, selari dengan aspirasi Kerajaan MADANI, hala tuju Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) serta Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA).

Pelan ini merangkumi keseluruhan fungsi teras jabatan dengan penetapan sasaran strategik yang jelas bagi memenuhi keperluan serta jangkaan pihak berkepentingan secara berkesan dan mampan.



DATO' ZAINANI BINTI JUSOH C.A.(M)

Akauntan Negara Malaysia

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) 2026 – 2030 digubal untuk meneruskan kesinambungan kecemerlangan yang telah dibina, sekaligus mempersiapkan jabatan menghadapi masa depan yang semakin dinamik dan mencabar. Pelan ini menetapkan visi, misi, hala tuju serta inisiatif strategik yang jelas sebagai panduan bersama bagi memastikan JANM terus melangkah ke hadapan dengan yakin dan berfokus dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

Dalam usaha memastikan penyampaian perkhidmatan yang bukan sahaja cekap tetapi berimpak tinggi, pelan strategik ini memberi penekanan kepada pelaksanaan yang lebih tersusun, jelas dan berorientasikan hasil. Pendekatan ini mencerminkan kesungguhan JANM untuk menambah nilai kepada pengurusan perakaunan dan kewangan sektor awam dan memenuhi harapan Kerajaan dan pihak berkepentingan.

Melalui pelan ini, Visi JANM sebagai ‘Peneraju Unggul dalam Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam’ serta Misi JANM untuk ‘Memperkasakan perakaunan dan kewangan sektor awam yang dinamik dan mampan melalui dasar progresif, digitalisasi perkhidmatan serta pemanfaatan data secara optimum’ telah dirangka bagi memastikan hala tuju jabatan kekal sejajar dengan aspirasi nasional, perubahan persekitaran serta tuntutan masa hadapan.

Pelan Strategik JANM 2026 – 2030 dengan tema ‘Perakaunan dan Kewangan Mampan Melalui Pendigitalan’ ini mengandungi empat (4) teras strategik, 10 strategi dan 23 program utama yang dibangunkan secara inklusif dan kolektif melibatkan seluruh warga JANM. Kesemua inisiatif ini menjadi pemangkin kepada transformasi berterusan dengan matlamat menjadikan JANM sebuah institusi yang berwibawa, diyakini dan unggul dalam memacu perakaunan dan kewangan sektor awam negara.

EMPAT (4) TERAS STRATEGIK

TERAS
STRATEGIK

1

Memacu JANM ke arah
Kecemerlangan Institusi
Yang Mampan

TERAS
STRATEGIK

3

Memperkasakan Modal
Insan

TERAS
STRATEGIK

2

Memperkukuh Perkhidmatan
Perakaunan dan Kewangan
Melalui Pembudayaan
Pendigitalan, Inovasi dan
Pemanfaatan Data

TERAS
STRATEGIK

4

Memperkasakan dan Membudaya
Pendigitalan dalam Penyampaian
Perakaunan dan Kewangan
Sektor Awam



MAKLUMAT
KORPORAT

LATAR BELAKANG JABATAN

JANM telah diwujudkan dengan jawatan Akauntan Negara Malaysia (ANM) di bawah Kementerian Kewangan sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. Bermula dari satu bangunan pejabat yang kecil bertempat di Bangunan Life Insurance Corporation of India di persimpangan Jalan Melaka dan Jalan Tun Perak (Mountbatten Road), pejabat ini kemudiannya ditempatkan di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur dan seterusnya beroperasi di Blok 8, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Kini, JANM beroperasi di Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya dan mempunyai 24 Pejabat Negeri/Cawangan di seluruh Malaysia.

Bahagian-bahagian di JANM terdiri daripada:



PUNCA KUASA

1 **Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [Akta 2]**
Melalui Warta P.U.(A) 383 Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 3) 2021
 JANM di bawah fungsi Menteri Kewangan

2 **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6/2010**
 ANM merupakan Ketua Perkhidmatan Akauntan, Penolong Akauntan dan Pembantu Akauntan

3 **Arahan Perbendaharaan 138**
 Kewajipan Akauntan Negara

4 **Akta Wang Tak Dituntut 1965 [Akta 370]**
Melalui Warta P.U.(B) 221 Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Perb. (12.20) 443/34-1 Jld.2, P.N.(PU)254)
 Akauntan Negara sebagai Pendaftar Wang Tak Dituntut

5 **Arahan Perbendaharaan 14, 41(b), 58(a), 70(a) (iv), 71(a), 72(d), 73(a), 89A(a), 91, 150, 299**
 Berkaitan perkhidmatan JANM

6 **Seksyen 353, Akta Syarikat 1965 [Akta 125]**
Melalui subseksyen 6(1) Akta Perwakilan Kuasa 1956 [Akta 358]
 Pelupusan syer bagi pemegang syer yang tidak diketahui

7 **Seksyen 263(5), Akta Syarikat 2016 [Akta 777]**
 Kelulusan Juruaudit Syarikat

8 **Seksyen 433(b), subseksyen (4c), Akta Syarikat (Pindaan) 2019 [Akta A1605]**
 Permohonan kelulusan baharu, pembaharuan dan pembatalan kelulusan sebagai Penyelesai Syarikat

9 **Seksyen 12, Akta Pendanaan 1983 [Akta 275]**
 Perwakilan kuasa atau kewajipan Menteri kepada Akauntan Negara

10 **Akta Fi 1957 [Akta 209] Melalui Warta P.U.(A) [ANM/SPP/M/3/10(25); PN(PU2)86/XIII] Akta Fi 1951 Perintah Fi [Akta 209]**
 Kemudahan Potongan Gaji Pegawai Awam Persekutuan 2011

11 **Keanggotaan Atas Jawatan ANM**
 Akta LPPSA 2016 [Akta 767];
 Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1965 [Akta 533];
 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662];
 Akta Akauntan 1967 [Akta 94] Pindaan A1099;
 MASB

FUNGSI JABATAN

1 Menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan mengikut kehendak perundangan dan piawaian perakaunan yang diterima umum selaras dengan Seksyen 16, Akta Tatacara Kewangan [Akta 61].

2 Menguruskan dana dan aliran tunai kerajaan.

3 Menguatkuasakan Akta Wang Tak Dituntut 1965 [Akta 370].

4 Mewujudkan sistem maklumat perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 138.

5 Menguruskan perkhidmatan perakaunan kerajaan.

6 Memastikan pematuhan dan penguatkuasaan tatacara pengurusan kewangan dan perakaunan seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang berkaitan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 138.


7 Memberi khidmat nasihat dan perundingan perakaunan dan kewangan kepada kementerian, jabatan dan agensi kerajaan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 138.


8 Menguruskan skim perkhidmatan perakaunan di bawah Ketua Perkhidmatan Akauntan Negara Malaysia selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010.

9 Membangunkan modal insan dalam bidang perakaunan dan kewangan sektor awam.




CARTA ORGANISASI





VISI, MISI, OBJEKTIF DAN TAGLINE



VISI

Peneraju Unggul dalam Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam



MISI

Memperkasakan perakaunan dan kewangan sektor awam yang dinamik dan mampan melalui dasar progresif, digitalisasi perkhidmatan serta pemanfaatan data secara optimum



OBJEKTIF

- Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- Mempertingkatkan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan agensi kerajaan.
- Membantu kerajaan dalam membuat keputusan yang berkesan.
- Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan sumber manusia bagi perkhidmatan perakaunan.
- Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

TAGLINE

'Excellent Accounting @ Your Service'

NILAI BERSAMA SPECIAL

S

MENGUTAMAKAN PELANGGAN (*Satisfying the customers*)

Komited dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan unggul untuk memenuhi kehendak pelanggan

- Memberi perkhidmatan yang mesra, cepat, tepat dan berintegriti kepada semua pelanggan dan *stakeholder*.
- Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan secara berterusan mengikut keperluan.
- Meningkatkan kompetensi diri agar perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.

P

PROFESIONALISME (*Professionalism*)

Kebolehan untuk mempamerkan kualiti dan kompetensi

- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.
- Mempamerkan semangat kerja yang tinggi.
- Meningkatkan prestasi kerja untuk mencapai kualiti yang berterusan.
- Peka terhadap perkembangan, kemajuan dan perubahan dalam teknologi dan profesion perakaunan.
- Mempamerkan nilai dan tingkahlaku yang berkualiti dan kompeten.
- Bersopan santun, berbudi bahasa dan berhemah tinggi dalam segala urusan.
- Berpenampilan kemas dan sesuai mengikut keadaan dan suasana.

EC

KERJA BERPASUKAN (*Esprit de Corp*)

Bekerjasama sebagai satu pasukan bagi membentuk semangat kekitaan (*sense of belonging*) untuk mencapai visi dan misi

- Bekerjasama dalam menyelesaikan isu dan masalah.
- Mempunyai sikap saling bantu membantu dalam usaha mencapai keberhasilan jabatan.
- Berkongsi maklumat, pengalaman dan ilmu pengetahuan.
- Menghargai sumbangan idea daripada anggota organisasi.
- Saling menghormati dan mengeratkan silaturahim.

IA

INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI (*Integrity and Accountability*)

Beretika tinggi dalam melaksanakan tugas

- Mengamalkan sikap amanah, tulus, ikhlas, berpegang kepada prinsip dan boleh dipercayai.
- Melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab mengikut peraturan yang ditetapkan.
- Bertanggungjawab ke atas semua tindakan dan keputusan yang diambil.
- Berfikiran positif dan sedia memberi dan menerima cadangan serta maklum balas yang tepat dan benar.

L

KESETIAAN (*Loyalty*)

Setia kepada jabatan, kerajaan dan negara

- Menunjukkan kesetiaan kepada jabatan, kerajaan dan negara.
- Menjaga nama baik dan imej jabatan serta profesion perakaunan.
- Memahami, menghayati dan mematuhi nilai bersama jabatan.

PIHAK BERKEPENTINGAN



PIHAK BERKEPENTINGAN

Parlimen, Kementerian Kewangan, Kabinet Malaysia, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Setiausaha Kementerian



PELANGGAN

Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Antarabangsa, Penjawat Awam, Rakyat, Syarikat



RAKAN STRATEGIK

Kementerian/Agensi, Firma Perunding, Badan Profesional, Penyedia Sistem Perakaunan, Penyedia Perkhidmatan ICT, Media, Bank, Institusi Pengajian Tinggi



**PENCAPAIAN
PELAN
STRATEGIK
JANM
2024 - 2025**

PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK *BUSINESS* (BSP) 2024 - 2025

4 Teras

7 Strategi

13 Program

25 Projek

SENARAI PROJEK 100%

TERAS STRATEGIK

1

- Penyediaan Laporan Pemantauan Pelaksanaan Pengurusan Perubahan berdasarkan Matriks Pengukuran Inisiatif Pengurusan Perubahan
- Pengiktirafan IPN Sebagai Pusat Latihan Bertauliah
- Pengindeksan Jurnal IPN
- Pembangunan Pelan SME
- Penyediaan Kertas Kajian bagi Pelaksanaan Penilaian Semula Aset Tanah dan Bangunan Kerajaan
- Penyediaan Kertas Kajian Instrumen Kewangan (Ekuiti Tak Tersiar Harga)

TERAS STRATEGIK

2

- Pembangunan Manual Pengauditan Digital
- Kajian Pelaksanaan Pengauditan Forensik
- Peluasan Sistem iPayment
- Pembangunan Dokumen Rangka Kerja Tadbir Urus Data Kewangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- Pelaksanaan Kajian Keperluan Menambah Baik Persembahan Penyata Kewangan Kumpulan Amanah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61)

TERAS STRATEGIK

3

- Pengukuhan Pengurusan Risiko melalui Penambahbaikan *Blueprint* Pengurusan Risiko Pelan Strategik JANM 2024 - 2025
- Pemeraksanaan Polisi dan Dokumentasi bagi Perakaunan Pengurusan
- Pengupayaan Kapasiti Sumber Manusia bagi Perakaunan Pengurusan
- Pemantapan Proses dan Teknologi bagi Perakaunan Pengurusan
- Pelaksanaan Kajian Mengenal Pasti Data dan Pemilik Data bagi Perkongsian Data Kewangan dan Bukan Kewangan (Skop iGFMS)
- Pelaksanaan Kajian Transformasi Perkhidmatan Pelanggan WTD
- Pelaksanaan Kajian Pelan Pembangunan SPWTD 2.0 – Pengisytiharan Pematuhan Akta WTD 1965
- Pembangunan *Dashboard* Pemantauan Operasi Pejabat Perakaunan (iDashboard)
- Penggunaan Sistem Pengurusan Pembelajaran atau *Learning Management System*
- Penyediaan Ekosistem Teknologi yang Optimum bagi Pelaksanaan Pembelajaran Digital

TERAS STRATEGIK

4

- Pembangunan Kapasiti dan Kepakaran Pasukan Pembelajaran Digital
- Pembangunan Kompetensi Profesional Secara Khusus Mengikut Keperluan Semasa
- Penyediaan *Blueprint* Sistem Data Profil

PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP) 2024 - 2025

3 Teras

7 Strategi

12 Program

16 Projek

SENARAI PROJEK 100%

TERAS STRATEGIK

2

- Pelaksanaan Latihan dan Kursus bagi *Domain Business* dan SME ICT BPTM JANM

TERAS STRATEGIK

3

- Penambahbaikan Berterusan iSPEKS
- Pembangunan Sistem iPayment
- Kajian Peningkatan Sistem Kewangan dan Perakaunan Kerajaan Persekutuan (iGFMAS) Berasaskan Teknologi Pengkomputeran Awan
- Pembangunan Aplikasi Mudah Alih *eGovernment Unclaimed Moneys Information System* (eGUMIS)
- *Robotic Process Automation* (RPA)
- RPA untuk Proses Permohonan Tuntutan Bayaran Balik Wang Tak Dituntut (WTD)
- Pengintegrasian iGFMAS HCM dengan Sistem LPPSA
- Penyediaan Ekosistem Teknologi yang Optimum bagi Pelaksanaan Pembelajaran Digital

TERAS STRATEGIK

4

- Pelaksanaan ISMS ISO/IEC 27001:2022
- Pelaksanaan *Tech Refresh* bagi Peralatan Rangkaian dan Keselamatan ICT di JANM
- Perkhidmatan Langgan Perisian Automasi Pejabat
- Perkhidmatan Sewaan Pencetak dengan Meter Caj





**HALA TUJU
PELAN
STRATEGIK
JANM
2026 - 2030**

ANALISIS PERSEKITARAN

Pembangunan Pelan Strategik JANM 2026 - 2030 dirangka bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang landskap operasi dan keperluan strategik JANM sekaligus memastikan kehendak dan keperluan pihak berkepentingan dipenuhi. Penyesuaian peranan JANM dengan faktor persekitaran dalaman dan luaran telah dilaksanakan melalui analisis SWOT, PESTEL dan penjajaran dengan hala tuju Kerajaan. Pemahaman terhadap persekitaran dalaman dan luaran ini adalah bagi memastikan hala tuju dan setiap strategi yang digariskan bukan sahaja relevan malah mampu menyokong pencapaian visi dan misi JANM secara holistik.

ANALISIS SWOT

ORGANISASI

- Struktur organisasi yang baik dan efisien
- Berperanan sebagai peneraju piawaian perakaunan sektor awam
- Pemilik data kewangan dan perakaunan kerajaan
- Memiliki pusat latihan yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran
- Badan yang menguatkuasa dan mengawal selia Akta Wang Tak Dituntut 1965

SUMBER DAYA MANUSIA

- Sumber daya manusia yang kompeten dan memiliki keahlian profesional dalam bidang perakaunan/kewangan
- Pegawai yang berpengalaman luas, berpengetahuan dan menjadi pakar rujuk dalam bidang khusus perakaunan dan kewangan awam

SISTEM APLIKASI

- Menggunakan sistem berkelas dunia secara bersepadu untuk menyediakan maklumat secara masa nyata (*real time*)

INFRASTRUKTUR

- Infrastruktur yang mantap dengan kemampuan untuk berfungsi dengan cekap, boleh dipercayai dan berdaya tahan

Kekuatan (*Strengths*)

S

ORGANISASI

- Tidak memiliki kuasa penuh atas kitaran kewangan
- Sumber kewangan yang terhad

SUMBER DAYA MANUSIA

- Penempatan pegawai yang kurang strategik
- Kekurangan inisiatif yang jelas untuk meluaskan skop dan peluang perjawatan baharu bagi perkhidmatan perakaunan
- Pertukaran dan penempatan akauntan pakar tidak sepadan dengan keperluan tugas
- Kurang kemahiran dalam bidang teknologi berdasarkan perkembangan semasa

SISTEM APLIKASI

- Sistem aplikasi yang belum berintegrasi sepenuhnya

W

Kelemahan (*Weaknesses*)

Peluang (*Opportunities*)

O

ORGANISASI

- Berpotensi menjadi penasihat bagi silibus perakaunan di Institut Pengajian Tinggi (IPT)
- Berperanan sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO) kementerian/jabatan
- Berperanan sebagai penasihat dalam pembuatan keputusan fiskal negara
- Berpotensi mengembangkan IPN ke peringkat antarabangsa
- Pelaksanaan perakaunan akruan sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan

SUMBER DAYA MANUSIA

- Sumber daya manusia yang bertauliah sebagai konsultan/pakar di peringkat negara dan antarabangsa
- Meningkatkan peranan sebagai penasihat dan rakan strategik dalam pembuatan keputusan

SISTEM APLIKASI

- Peningkatan penggunaan teknologi dalam pelaksanaan operasi kerja

T

Ancaman (*Threats*)

ORGANISASI

- Perubahan dasar dan polisi Kerajaan
- Kebergantungan yang berlebihan pada konsultan luar

SUMBER DAYA MANUSIA

- Pengisian perjawatan Akauntan Negara Malaysia oleh skim perjawatan terbuka
- Kekerapan pertukaran pegawai yang tinggi akan menyebabkan matlamat melahirkan pegawai pakar rujuk terjejas

SISTEM APLIKASI

- Perubahan teknologi baru mengambil alih fungsi perakaunan
- Vendor yang kurang memahami perakaunan sektor awam

INFRASTRUKTUR

- Perubahan teknologi yang pantas



KEKUATAN SEBAGAI TERAS UTAMA

JANM memiliki struktur organisasi yang tersusun, jelas dan efisien dalam menyokong pelaksanaan perakaunan Kerajaan. Sebagai peneraju utama dalam penetapan piawaian perakaunan sektor awam, JANM memainkan peranan penting dalam memastikan keseragaman, ketelusan dan akauntabiliti pelaporan kewangan di seluruh agensi kerajaan. Di samping itu, JANM merupakan pemilik tunggal data perakaunan dan kewangan Kerajaan yang menjadi rujukan utama dalam perancangan, pemantauan serta pembuatan keputusan strategik di peringkat nasional.

Keupayaan ini turut diperkukuh dengan kewujudan pusat latihan yang berperanan membangunkan modal insan secara berterusan dalam bidang perakaunan sektor awam dan diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Selain itu, JANM juga berfungsi sebagai badan penguat kuasa yang mengawal selia Akta Wang Tak Dituntut 1965 bagi memastikan pengurusan wang tidak dituntut dilaksanakan secara teratur, berintegriti dan mengikut keperluan perundangan.



KELEMAHAN DAN JURANG YANG PERLU DIATASI

Walaupun memiliki asas yang kuat, JANM berhadapan dengan beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian. Sebagai sebuah organisasi, JANM tidak memiliki kuasa penuh atas kitaran kewangan yang secara tidak langsung menghadkan keberkesanan dan pelaksanaan inisiatif. Keterbatasan sumber kewangan juga sering menjadi penghalang kepada pelbagai projek dan pembangunan.

Isu sumber daya manusia juga merupakan kelemahan yang perlu diatasi bagi memastikan organisasi kekal mampan. Penempatan pegawai yang kurang strategik dan monopoli pengetahuan oleh sekelompok kecil pegawai di bahagian kritikal boleh menyekat perkembangan keseluruhan jabatan. Di samping itu, kekurangan inisiatif yang jelas untuk meluaskan peluang perjawatan baru dan kekurangan kemahiran dalam teknologi terkini menjadi cabaran besar dalam menghadapi era digital. Walaupun dengan sistem aplikasi sedia ada yang bertaraf dunia, limitasi integrasi menyebabkan wujudnya jurang integrasi data dan kecekapan operasi sedia ada.



PELUANG DAN POTENSI UNTUK TRANSFORMASI

Di sebalik kelemahan, terdapat peluang besar yang boleh dimanfaatkan untuk memacu transformasi. JANM berpotensi untuk meningkatkan peranan sebagai penasihat dan rakan strategik dalam pembuatan keputusan fiskal negara. Ini boleh direalisasikan dengan penglibatan pegawai yang bertauliah sebagai konsultan/pakar di peringkat nasional dan antarabangsa, JANM juga boleh menjadi penasihat bagi silibus perakaunan sektor awam serta berperanan sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO) di kementerian/jabatan terutama dalam pembuatan keputusan strategik.

Selain itu, peluang untuk mengembangkan satu-satunya pusat latihan JANM iaitu IPN ke peringkat antarabangsa juga membuka ruang untuk pelaksanaan kolaborasi global. Akhirnya, peningkatan penggunaan teknologi dalam sistem aplikasi secara langsung juga menawarkan peluang besar untuk JANM mengautomasikan proses dan mendapatkan wawasan yang lebih strategik.



ANCAMAN DAN RISIKO YANG PERLU DIELAKKAN

Namun, laluan ke hadapan tidak semestinya lurus tanpa sebarang ancaman. Perubahan dalam pimpinan kerajaan boleh mengubah prioriti dan menjejaskan kestabilan projek jangka panjang. Kebergantungan berlebihan pada konsultan luar juga mengancam kemahiran dan pengetahuan pegawai JANM sebagai akauntan di institusi utama.

Dari segi sumber manusia, skim perjawatan terbuka dan pertukaran akauntan pakar yang tidak sepadan dengan keperluan boleh membawa kepada kehilangan bakat dan melemahkan kepakaran. Ancaman lain adalah kekerapan pertukaran pegawai yang menjejaskan matlamat melahirkan pakar rujuk. Akhir sekali, kemungkinan teknologi baharu mengambil alih fungsi perakaunan dan vendor yang kurang memahami perakaunan sektor awam menuntut JANM untuk terus berinovasi dan tidak statik.

Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa JANM mempunyai asas yang sangat kukuh untuk berjaya, namun ia perlu proaktif dalam menangani kelemahan dan ancaman untuk merebut peluang-peluang strategik yang ada. Dengan pendekatan yang betul, JANM boleh mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju perakaunan sektor awam di Malaysia dan di persada antarabangsa.

ANALISIS PESTEL



TADBIR URUS NEGARA DAN AKAUNTABILITI KEWANGAN (POLITICAL)

Isu utama yang dihadapi oleh JANM merangkumi perubahan dasar fiskal negara serta penekanan terhadap amalan tadbir urus baik (*good governance*) dan integriti dalam sektor awam. Kerajaan turut menekankan pelaksanaan agenda transformasi digital melalui inisiatif seperti Malaysia Digital dan Dasar Pendigitalan Sektor Awam 2021 – 2025, yang mewajibkan setiap agensi meningkatkan tahap penggunaan teknologi dalam operasi dan penyampaian perkhidmatan.

Selain itu, perubahan dasar atau keputusan politik, termasuk pertukaran kerajaan dan pengenalan dasar fiskal baharu, berpotensi mempengaruhi sumber kewangan serta keutamaan projek kerajaan. Tekanan yang semakin meningkat bagi memperkukuh ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan awam, sejajar dengan polisi kerajaan yang menekankan keberkesanan, integriti dan pengurusan perbelanjaan berhemat, turut memberi kesan yang signifikan kepada hala tuju strategik JANM.

Sehubungan dengan itu, JANM bertanggungjawab memastikan keperluan untuk memperkukuh tadbir urus fiskal dan pengurusan kewangan negara selaras dengan agenda nasional. JANM juga perlu mempertingkatkan mekanisme kawalan dalaman, pematuhan serta amalan tadbir urus, di samping menyokong aspirasi kerajaan melalui penyediaan laporan kewangan yang lebih telus, tepat dan boleh dipercayai. Usaha-usaha ini secara langsung mendorong penghasilan Pelan Strategik JANM 2026 - 2030 yang berkaitan dengan Teras Strategik 1, iaitu memperkukuh kecemerlangan institusi yang mampan sebagai asas kepada keutuhan pengurusan kewangan negara.



PERSEKITARAN EKONOMI DAN DAYA TAHAN FISKAL (ECONOMIC)

Keadaan ekonomi global dan domestik yang sentiasa berubah telah memberi impak secara langsung terhadap kestabilan fiskal negara, sekali gus mempengaruhi perancangan belanjawan serta peruntukan yang diterima oleh JANM. Ketidakstabilan ekonomi, peningkatan kadar inflasi serta turun naik kadar tukaran wang asing turut memberi tekanan kepada hasil negara, seterusnya meningkatkan keperluan terhadap laporan kewangan yang lebih telus, tepat dan berintegriti.

Dalam masa yang sama, tuntutan untuk mengurangkan kos operasi sektor awam menjadi faktor pendorong kepada usaha JANM untuk mengamalkan automasi dan pendigitalan proses dalam pengurusan kewangan kerajaan. Tambahan pula, risiko berlakunya krisis kewangan global atau bencana ekonomi menegaskan lagi kepentingan untuk membangunkan sistem pelaporan fiskal yang lebih teliti, responsif dan berdaya tahan agar negara dapat terus mengekalkan kestabilan kewangan serta keyakinan rakyat.

Kerajaan berdepan cabaran untuk mengimbangi antara keperluan membiayai pembangunan negara dan mengurus beban hutang awam. Keperluan untuk memastikan nilai untuk wang (*value for money*) dalam setiap perbelanjaan menjadi semakin penting agar sumber negara digunakan secara optimum.

Perubahan lanskap ekonomi ini menjadi faktor utama yang mendorong kemunculan Pelan Strategik JANM 2026 – 2030 bagi memastikan jabatan mampu menyesuaikan diri, menyokong dasar fiskal negara dan memperkukuh kedudukan Malaysia dalam menghadapi cabaran ekonomi masa depan.



DINAMIK SOSIAL DAN IMPLIKASINYA TERHADAP INTERAKSI PROFESIONAL (SOCIAL)

Perubahan sosial di Malaysia turut membawa cabaran dan peluang kepada JANM, khususnya dengan penyertaan generasi muda seperti Generasi Y dan Generasi Z yang lebih celik digital dalam sektor awam. Kehadiran generasi ini menuntut budaya kerja yang lebih fleksibel, berorientasikan teknologi dan inovatif, berbeza dengan pegawai senior yang lebih terbiasa menggunakan kaedah manual. Perubahan demografi tenaga kerja ini memberi kesan langsung kepada proses adaptasi serta budaya kerja dalam organisasi, sekali gus memerlukan JANM menyesuaikan pendekatan kepimpinan, gaya komunikasi dan penyediaan peralatan serta perisian terkini bagi memenuhi keperluan tenaga kerja pelbagai generasi.

Aspek kesejahteraan modal insan juga semakin diberi perhatian. Penjawat awam kini menitikberatkan keseimbangan kerjaya dan kehidupan (*work-life balance*), kesihatan mental dan peluang pembangunan kerjaya. Oleh itu, JANM perlu memperkukuh strategi pembangunan modal insan supaya lebih berdaya saing dan bermotivasi.

Budaya pembelajaran sepanjang hayat kini menjadi keutamaan dan menuntut pemerksaan penjawat awam dengan kemahiran baharu melalui *upskilling* and *reskilling*. Ini bagi memastikan keupayaan mereka untuk kekal relevan dalam menghadapi era pendigitalan perakaunan dan kewangan sektor awam.



PERALIHAN KE ARAH PENDIGITALAN DAN TEKNOLOGI TERMAJU (TECHNOLOGICAL)

Perkembangan teknologi digital memberi peluang besar kepada JANM untuk memodenkan perkhidmatan kewangan sektor awam. Sistem sedia ada di JANM seperti iGFMAS, ePenyata Gaji dan eGUMIS bukan sahaja meningkatkan kecekapan malah memastikan ketelusan serta integriti kewangan negara.

Penggunaan automasi dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence* - AI) membolehkan tugas rutin diselesaikan lebih cepat dan tepat, di samping memperkukuh kawalan dalaman jabatan. Pada masa yang sama, keperluan tadbir urus data dan keselamatan siber menjadi kritikal selaras dengan peranan JANM sebagai pentadbir maklumat kewangan Kerajaan.

Budaya kerja digital tanpa kertas (*paperless governance*) pula menyokong agenda kelestarian dengan mengurangkan kos operasi serta mempercepat kelulusan transaksi. Tambahan pula, kerjasama digital merentas agensi memperkukuh integrasi sistem kewangan kerajaan seterusnya membolehkan pengurusan fiskal negara dilaksanakan dengan lebih berkesan. Keperluan integrasi data antara agensi kerajaan lain dengan JANM semakin mendesak bagi memastikan laporan fiskal yang tepat dan masa nyata. Justeru infrastruktur ICT sedia ada masih perlu dipertingkatkan agar mampu menyokong sistem pelaporan bersepadu berskala besar.

Keseluruhannya, faktor teknologi bukan sahaja menjadi peluang luaran, malah menjadi pemangkin dalaman untuk JANM merealisasikan visi sebagai **“Peneraju Unggul dalam Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam”**.



KELESTARIAN ALAM DALAM TADBIR URUS KEWANGAN (ENVIRONMENTAL)

Persekitaran global secara amnya semakin menekankan aspek kelestarian dan hijau dalam tadbir urus kewangan. Perubahan iklim, bencana alam serta dasar kelestarian kerajaan memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada strategi JANM dalam mengurus kewangan negara.

Selaras dengan RMK13, Malaysia komited terhadap agenda peralihan hijau dan ekonomi rendah karbon. Secara tidak langsung ini memberi peluang kepada JANM untuk memainkan peranan dalam penyediaan laporan kewangan kerajaan yang lebih telus mengenai perbelanjaan berkaitan kelestarian, termasuk pelaksanaan strategi pembangunan mampan (*Sustainable Development Goals - SDG*).

Isu kecekapan sumber dan sasaran pengurangan karbon memberi tekanan kepada sektor awam untuk beralih kepada operasi yang lebih mesra alam. JANM telah beralih kepada amalan pejabat hijau, mengukuhkan pendigitalan dokumen melalui pelaksanaan *Digital Document Management System (DDMS)* dan mengurangkan kebergantungan pada penggunaan kertas.

Seiring dengan itu, kesedaran masyarakat terhadap kelestarian semakin meningkat. Rakyat sedang menilai kerajaan bukan sahaja pada prestasi kewangan, malah pada keupayaan mengurus dana awam untuk pembangunan mampan. Justeru itu, JANM perlu mengintegrasikan aspek ESG (*Environmental, Social, Governance*) dalam penyampaian maklumat kewangan.

Isu perubahan iklim yang merangkumi fenomena pemanasan global, banjir dan jerebu memberi kesan ketara terhadap operasi kerajaan serta mempengaruhi peruntukan bajet dan strategi pengurusan kewangan negara bagi tujuan adaptasi dan mitigasi bencana. Sehubungan itu, JANM perlu memperkukuh tadbir urus fiskal dan menambah baik mekanisme pelaporan kewangan bagi memastikan keupayaan negara untuk mengekalkan ketahanan fiskal serta menghadapi risiko alam sekitar secara lebih berkesan.



PEMATUHAN PERUNDANGAN (LEGAL)

Dalam merangka Pelan Strategik JANM 2026 – 2030, pematuhan terhadap kerangka perundangan dan garis panduan kewangan negara menjadi teras utama. JANM perlu memastikan segala urusan kewangan dan perakaunan dilaksanakan mengikut ketetapan undang-undang seperti Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Piawaian Perakaunan, Pekeliling Perbendaharaan serta lain-lain pekeliling yang berkuat kuasa.

Seiring dengan perkembangan global, pematuhan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) berteraskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) adalah penting bagi meningkatkan tahap ketelusan, kebolehbandingan dan kredibiliti laporan kewangan negara. Hal ini bukan sahaja memperkukuh keyakinan rakyat, malah meningkatkan reputasi Malaysia di peringkat antarabangsa.

Pada masa yang sama, pelaksanaan peraturan baharu khususnya berkaitan keselamatan dan perlindungan data seperti yang digariskan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, menuntut pengurusan maklumat kewangan yang lebih teliti, berintegriti dan berdaya tahan terhadap risiko keselamatan siber. Selain itu, perkembangan dasar global yang menekankan aspek ESG turut memberi implikasi kepada fungsi pelaporan JANM. Keperluan ini menggesa penyediaan laporan kewangan yang lebih menyeluruh, mencakupi bukan sahaja aspek ekonomi tetapi juga kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial.

Oleh itu, Pelan Strategik JANM 2026 – 2030 dirangka dengan memberi penekanan terhadap pematuhan undang-undang serta keselarasan dengan piawaian dan keperluan pelaporan antarabangsa bagi memastikan JANM terus kekal relevan, dipercayai dan berwibawa dalam mendepani cabaran masa hadapan.


PENJAJARAN DENGAN HALA TUJU KERAJAAN

Berperanan sebagai salah satu agensi penggerak utama dalam perancangan strategik nasional, Pelan Strategik JANM 2026 - 2030 yang dibangunkan merupakan satu manifestasi komitmen jabatan terhadap aspirasi nasional berasaskan prinsip Malaysia Madani, RMK13 dan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA).

Malaysia MADANI

Malaysia MADANI iaitu suatu ikhtiar bersepadu dan holistik untuk memastikan setiap dasar yang digubal bersifat lebih berperikemanusiaan, inklusif dan responsif, serta sentiasa diperkemas melalui musyawarah dan maklum balas rakyat menjadi prinsip asas dalam pembangunan Pelan Strategik JANM 2026 - 2030. Berteraskan enam tonggak utama iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan, pendekatan MADANI ini merangkumi penyelarasan dasar secara menyeluruh merentas bidang ekonomi dan kewangan, perundangan, institusi dan kemasyarakatan bagi membentuk masyarakat madani yang maju, berdaya saing dan terangkum.

Sehubungan itu, prinsip ini diterjemahkan dalam hala tuju, teras dan strategi JANM dengan tumpuan kepada pengukuhan tadbir urus perakaunan dan kewangan sektor awam serta pemantapan akauntabiliti dan integriti institusi. Penekanan turut diberikan kepada peningkatan keupayaan organisasi mendepani persekitaran dasar yang kompleks, keserentakan, kerumitan dan ketidaktentuan persekitaran melalui pemantauan yang berterusan, pengukuhan sistem tadbir urus serta pemerkasaan keupayaan organisasi dan modal insan.



Dalam konteks yang lebih luas, kerangka Malaysia MADANI disokong oleh inisiatif Kerangka Ekonomi MADANI dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13). Kerangka Ekonomi MADANI dengan tiga tonggak strategik yang saling berkaitan iaitu menaikkan siling dengan memanfaatkan potensi pertumbuhan, meningkatkan lantai dengan menambah baik taraf hidup rakyat dan mengukuhkan tadbir urus yang baik menunjukkan usaha reformasi yang jitu untuk mewujudkan sebuah negara yang makmur dan adil berpaksikan rakyat yang sejahtera.


Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)

Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) yang berteraskan empat (4) tonggak utama dan sembilan (9) tumpuan juga merupakan kerangka rujukan dasar nasional dalam pembangunan Pelan Strategik JANM 2026 - 2030. Penyelarasan kepada RMK13 diterjemahkan melalui pengukuhan tadbir urus perakaunan dan kewangan sektor awam bagi menyokong pengurusan fiskal yang mampan, kecekapan perbelanjaan awam serta keberhasilan program pembangunan negara. Dalam konteks ini, peranan JANM adalah memastikan sistem perakaunan, pelaporan kewangan dan kawalan dalaman kerajaan berfungsi secara bersepadu, telus dan berakauntabiliti bagi menyokong pencapaian keutamaan RMK13 merentas dimensi ekonomi, sosial, institusi dan kelestarian.

4 Tonggak RMK13



9 Tumpuan RMK13



Secara dasar, dalam usaha membina sistem pentadbiran yang lebih responsif terhadap aspirasi rakyat, JANM akan memberikan tumpuan kepada Tonggak Ketiga RMK13 iaitu Mempercepat Pelaksanaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam. Hala tuju, teras dan strategi JANM akan diselaraskan bagi memperkukuh kecekapan, akauntabiliti dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam berasaskan lima (5) keutamaan tonggak ini seperti berikut:



Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA)

Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) merupakan satu kerangka strategik menyeluruh yang digubal bagi memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan awam agar lebih cekap, berintegriti dan berorientasikan rakyat. Dengan lima (5) Teras Keberhasilan Reformasi (TKR) serta disokong oleh 20 Strategi Keberhasilan Reformasi (SKR), ARPA dirangka secara bersepadu berlandaskan prinsip *whole-of-government* dan *whole-of-nation*.

Sejajar dengan hala tuju ini, Pelan Strategik JANM 2026 - 2030 dibangunkan sebagai instrumen strategik untuk menyokong pelaksanaan ARPA, khususnya dalam memperkukuh sistem perakaunan dan kewangan sektor awam yang cekap, telus dan berakauntabiliti. Penyelarasan ini memastikan inisiatif strategik JANM berfokuskan reformasi berimpak tinggi, berasaskan hasil dan berkeupayaan mendepani cabaran perubahan serta keperluan masa hadapan perkhidmatan awam.

Tumpuan akan diberikan kepada pelaksanaan ARPA yang digerakkan melalui lima (5) objektif utama berikut:

Objektif 1: Memperkukuh budaya integriti dan penghayatan nilai murni dalam perkhidmatan awam, bagi memastikan amalan tadbir urus yang telus, berakauntabiliti dan berteraskan etika profesional dapat dilaksanakan secara konsisten.

Objektif 2: Membangunkan modal insan yang kompeten, berdaya saing dan berpandangan strategik, selaras dengan keperluan perkhidmatan awam yang dinamik dan menuntut kebolehsuaian terhadap perubahan persekitaran semasa serta cabaran masa hadapan.

Objektif 3: Menstruktur semula organisasi perkhidmatan awam ke arah yang lebih cekap, responsif dan berdaya tahan, melalui penambahbaikan struktur pentadbiran dan proses kerja yang menyokong pelaksanaan dasar secara efektif dan efisien.

Objektif 4: Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan berasaskan keperluan rakyat, dengan memberi penekanan kepada perkhidmatan yang mesra pengguna, berorientasikan digital dan berimpak tinggi terhadap kesejahteraan rakyat.

Objektif 5: Mengukuhkan kerjasama strategik antara sektor awam, swasta dan komuniti, dalam usaha membina ekosistem pembangunan negara yang inklusif, kolaboratif dan mampan.

Bagi menjayakan agenda nasional serta memastikan JANM kekal relevan sebagai Peneraju Unggul dalam Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam, setiap teras dan strategi yang dirangka dalam Pelan Strategik JANM 2026 - 2030 telah diselaraskan kepada agenda nasional dengan tumpuan kepada perkara berikut:

1 Reformasi Institusi dan Tatakelola Baik

Komitmen JANM terhadap ketelusan diterjemahkan melalui pengurusan kewangan yang berakauntabiliti, berintegriti dan telus, sekali gus memperkukuh keyakinan rakyat terhadap tadbir urus negara. Agenda reformasi institusi akan diperkasakan melalui pengukuhan struktur dan pemerkasaan peranan JANM. Reformasi institusi diterjemahkan juga melalui pengukuhan kolaborasi strategik dalam dan luar negara untuk memastikan JANM bukan sekadar menyediakan pelaporan kewangan tetapi juga sebagai rakan strategik yang dipercayai dalam membina keyakinan rakyat terhadap tatakelola kewangan negara.

2 Pengukuhan Tatakelola Fiskal dan Kelestarian Kewangan

Dalam merevolusikan penyampaian perkhidmatan, JANM memberikan keutamaan kepada tindak balas yang tangkas dan tuntas dalam memastikan pengurusan fiskal yang lebih efektif, telus dan berakauntabiliti, JANM memainkan peranan penting dalam menyediakan pelaporan yang tepat dan menyeluruh. Fokus diberikan kepada pemerkasaan perkhidmatan perakaunan dan kewangan khususnya peningkatan keupayaan sistem pelaporan sektor awam yang menyeluruh dan berkredibiliti. Sistem pelaporan yang menyeluruh, bersepadu dan masa nyata akan berupaya membekalkan data kritikal kepada pembuat dasar untuk merangka strategi fiskal yang lebih tepat, telus dan tuntas.

3 Memacu Agenda Pendigitalan Sektor Awam

Seiring dengan transformasi pendigitalan sektor awam dalam meningkatkan kecekapan pentadbiran, ketelusan dan akses rakyat, JANM komited untuk beralih daripada proses konvensional kepada pendigitalan menyeluruh. Tumpuan diberikan kepada pembudayaan digital dan inovasi, adaptasi teknologi terkini yang pantas, selamat dan berpacuan data (*data-driven*), integrasi data raya (*big data*) dan rasionalisasi platform untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

4 Pembangunan Modal Insan Berkemahiran Tinggi

Inisiatif Pembangunan Kompetensi Profesional akan memastikan penjawat awam dalam sektor kewangan kekal relevan dan mampu menguruskan instrumen kewangan moden sepanjang tempoh RMK13. Tumpuan khusus diberikan kepada pemerkasaan modal insan yang memfokuskan kepada pembangunan kompetensi profesional bagi melahirkan akauntan dan anggota perkhidmatan perakaunan yang kompeten, berdaya tahan, berdaya saing, mampu beradaptasi dan responsif terhadap perubahan landskap ekonomi global. JANM komited melahirkan profesional perakaunan yang bukan sahaja mahir dalam angka, tetapi juga celik digital dan strategik.

Seiring juga dengan perubahan tadbir urus, kemajuan teknologi serta jangkaan pihak berkepentingan, JANM mengambil langkah proaktif untuk menilai semula hala tuju strategik jabatan merangkumi penetapan semula visi dan misi bagi memastikan ia kekal relevan, responsif, progresif, berdaya saing dan mampan dalam mendepani cabaran masa hadapan.

Penyelarasan ini bukan sekadar perubahan pernyataan, malah merupakan komitmen jabatan untuk memperkukuh peranan, meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan serta memacu kecemerlangan organisasi secara mampan dan inklusif. visi dan misi yang diperbaharui ini akan menjadi panduan utama dalam merangka strategi, inisiatif dan keputusan jabatan bagi tempoh 2026 - 2030.

PENERAJU UNGGUL DALAM PERAKAUNAN DAN KEWANGAN SEKTOR AWAM

merupakan visi baharu yang mencerminkan aspirasi JANM untuk menjadi autoriti terunggul dan rujukan utama dalam pengurusan perakaunan dan kewangan sektor awam. Visi ini turut menekankan peranan JANM sebagai pemacu nilai kepada sektor awam dengan memperkukuh keyakinan rakyat dan pihak berkepentingan. Keunggulan institusi dizahirkan melalui pemeraksanaan tadbir urus, pemacu pembaharuan, pematuhan kepada undang-undang, piawai dan peraturan serta pemantapan profesionalisme bagi memastikan ketelusan, integriti dan akauntabiliti pengurusan perakaunan dan kewangan kerajaan.


Misi JANM **Memperkasakan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam yang Dinamik dan Mampan melalui Dasar Progresif, Digitalisasi Perkhidmatan serta Pemanfaatan Data Secara Optimum** memperincikan pendekatan holistik JANM dalam memperkukuh perakaunan dan pengurusan kewangan sektor awam secara fleksibel, proaktif dan mampu beradaptasi dengan perubahan dasar, teknologi serta cabaran baharu.

Tumpuan diberikan kepada aspek kemampanan dan daya saing bagi memastikan prestasi Jabatan dapat diperkasakan untuk jangka masa panjang. Pemodenan automasi proses dan operasi, integrasi platform digital, pemantapan modal insan, penggunaan data secara bersepadu dan analitikal dalam pembuatan keputusan strategik, merancang dasar yang berkesan dan penilaian prestasi kewangan secara komprehensif juga merupakan sebahagian daripada fokus JANM.

Tema **Perakaunan dan Kewangan Mampan Melalui Pendigitalan** bagi Pelan Strategik JANM 2026 - 2030 dipilih sejajar dengan aspirasi strategik JANM untuk memastikan sistem perakaunan dan kewangan sektor awam kekal relevan, adaptif dan mampan dalam jangka panjang, seterusnya menyokong pembangunan negara yang inklusif, berintegriti dan berteraskan teknologi.

Kesepaduan antara hala tuju kerajaan, visi, misi dan teras strategik yang ditetapkan menjadi asas kepada pelaksanaan inisiatif serta penilaian prestasi JANM secara berterusan.

KERANGKA PELAN STRATEGIK JANM 2026 - 2030







**PELAN
STRATEGIK
JANM
2026 - 2030**

TERAS STRATEGIK 1

Memacu JANM ke arah Kecemerlangan Institusi yang Mampan

Dalam mendepani cabaran pengurusan perakaunan dan kewangan yang semakin kompleks serta kemajuan teknologi yang pesat, JANM perlu terus memperkuat peranannya sebagai institusi peneraju dalam bidang perakaunan dan kewangan sektor awam selaras dengan aspirasi nasional. Sehubungan itu, semakan dan penambahbaikan dasar serta perundangan akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan keselarasan dengan keperluan semasa, perubahan persekitaran dan hala tuju pembangunan negara.

Kecemerlangan institusi yang mampan mencerminkan keupayaan jabatan untuk beroperasi secara konsisten, berkesan dan diyakini dalam jangka panjang. Aspek keutuhan tatakelola dan integriti terus diberi penekanan sebagai asas kepada pengurusan sumber awam yang telus dan beretika, sekali gus memperkuat keyakinan masyarakat terhadap peranan dan fungsi JANM.

Persekitaran yang dinamik serta cabaran pengurusan yang semakin rumit menuntut pembudayaan amalan kerja yang kolaboratif, inovatif dan berprestasi tinggi bagi memenuhi jangkaan pihak berkepentingan. Pada masa yang sama, hubungan strategik yang kukuh melalui komunikasi berkesan dan kerjasama berterusan memastikan JANM kekal relevan serta berupaya menyumbang secara bermakna kepada pembangunan negara.

Keseluruhan pendekatan ini menjadi pemangkin kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkualiti, seterusnya memastikan organisasi kekal berdaya saing, adaptif dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi, dasar serta keperluan pelanggan yang sentiasa berkembang.



OBJEKTIF

Teras Strategik 1 mempunyai empat (4) objektif khusus iaitu:

- Memperkukuh struktur organisasi JANM bagi memastikan fungsi perakaunan dan kewangan dilaksanakan secara efektif dan efisien.
- Memperkasakan peranan JANM dalam menyediakan perkhidmatan perakaunan dan kewangan yang relevan dan mampan.
- Meningkatkan jaringan kerjasama strategik dengan agensi, institusi dan badan antarabangsa bagi memperkasa kemampuan JANM.
- Memacu IPN ke arah pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*).

Strategi 1: Pengukuhan Struktur dan Pemerksaan Peranan JANM Sebagai Institusi Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam

Strategi ini menumpukan kepada pengukuhan struktur organisasi serta pemerksaan fungsi utama JANM supaya selari dengan visi dan misi jabatan. Ia bertujuan untuk memastikan keupayaan jabatan kekal relevan dan mampan dalam menghadapi perubahan persekitaran ekonomi dan teknologi, keperluan dasar kerajaan dan perkembangan piawaian perakaunan antarabangsa.

Strategi 2: Pengukuhan Kolaborasi dengan Rakan Strategik Dalam dan Luar Negara

Strategi ini bertujuan memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara JANM dengan pelbagai pihak berkepentingan sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Kolaborasi strategik akan memberi impak positif terhadap peningkatan kualiti, perkembangan dan kemajuan jabatan. Ia juga sebagai usaha dalam memperkayakan kepakaran, memperluas akses kepada teknologi terkini dalam memperkasa kredibiliti akauntan sektor awam.

Melalui kerjasama antarabangsa ini juga, pembangunan profesional dan perkongsian amalan terbaik dijangka dapat memacu jabatan khususnya IPN ke arah pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*).

TERAS STRATEGIK 1

| STRATEGI | PROGRAM |
|--|---|
| <p>S1: Pengukuhan Struktur dan Pemerkasaan Peranan JANM Sebagai Institusi Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam</p> | <p>P1: Pengukuhan Struktur dan Fungsi Organisasi Selaras dengan Misi dan Visi Organisasi</p> |
| | <p>P2: Pemerkasaan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965</p> |
| | <p>P3: Pendayaupayaan Impak Penyelidikan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam</p> |
| | <p>P4: Kajian Pemantapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pejabat Perakaunan dalam Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Kewangan Sektor Awam</p> |
| <p>S2: Pengukuhan Kolaborasi dengan Rakan Strategik Dalam dan Luar Negara</p> | <p>P1: Pengukuhan IPN sebagai Pusat Kecemerlangan Perakaunan Sektor Awam</p> |
| | <p>P2: Pengukuhan Silibus Berkaitan Perakaunan Sektor Awam di IPTA/Badan Profesional</p> |

| SASARAN | TEMPOH | TANGGUNG JAWAB |
|---|-------------|----------------|
| 1 Kertas Permohonan Pengukuhan Struktur Organisasi JANM Dikemukakan kepada Agensi Pusat | 2026 | BPPP |
| Pindaan Akta | 2026 - 2027 | BWTD |
| 1 Laporan Kajian Impak Tahunan 1 Sistem <i>h-index</i> 12 | 2026 - 2030 | IPN |
| 1 Laporan Kajian | 2026 | BPOPP |
| 3 MOU 5 Program Antarabangsa | 2026 - 2030 | IPN |
| 1 Silibus | 2026 - 2027 | IPN |

TERAS STRATEGIK 2

Memperkukuh Perkhidmatan Perakaunan dan Kewangan melalui Pembudayaan Pendigitalan, Inovasi dan Pemanfaatan Data

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi membolehkan maklumat dikongsi dengan pantas merentas sempadan serta menyokong transformasi digital yang semakin berkembang daripada 4G kepada 5G. Seiring perkembangan ini, JANM menyahut cabaran digitalisasi dengan memperkukuh penyampaian perkhidmatan, meningkatkan integriti sistem perakaunan, memantapkan pelaporan berasaskan data dan membudayakan pembelajaran digital dalam kalangan warganya. Pendekatan ini memacu peningkatan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan secara menyeluruh demi memenuhi aspirasi pihak berkepentingan.

JANM sebagai agensi peneraju yang mengurus, menyelaras dan melaporkan maklumat perakaunan serta kewangan Kerajaan Persekutuan terus berinovasi bagi memperkukuh asas pembuatan keputusan melalui integrasi data yang lebih mantap dan berpusat. Seiring dengan mandat yang diterima, tumpuan diberikan kepada pembudayaan pendigitalan, pemanfaatan inovasi dan penggunaan data secara strategik untuk meningkatkan kecekapan sistem perakaunan kerajaan, memantapkan ketelusan pelaporan kewangan serta mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pihak berkepentingan.

Pembudayaan pendigitalan dan penerapan inovasi akan menjadi norma jabatan melalui pendekatan budaya kerja yang mengutamakan penggunaan teknologi digital termasuklah *centralised data*, pengkomputeran awan, penggunaan aplikasi digital, peluasan sistem atas talian dan peluasan penggunaan kecerdasan buatan.

Transformasi minda serta pembudayaan budaya kerja warga juga akan dipacu melalui pembudayaan digital yang melibatkan latihan semula (*reskilling*), pemikiran digital (*digital mindset*) dan inovasi proses dalaman melalui kepimpinan digital (*digital leadership*) di semua peringkat agar warga JANM terus optimis dan kekal positif serta lebih responsif dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik.

4
Strategi

11
Program

OBJEKTIF

Teras Strategik 2 mempunyai empat (4) objektif khusus iaitu:

- Meningkatkan kecekapan pengurusan maklumat kewangan.
- Menjamin ketelusan serta integriti sistem kewangan awam.
- Meningkatkan keupayaan pelaporan dan analisis berasaskan data.
- Memupuk budaya digital dalam sektor perkhidmatan awam.

Strategi 1: Meningkatkan Tahap Penyampaian Perkhidmatan JANM sebagai Pemegang Tunggal Pengurusan Maklumat Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam

Strategi ini menumpukan peningkatan kecekapan dan ketepatan penyampaian maklumat kewangan melalui integrasi data serta pendigitalan proses. Pendekatan ini menyokong ketelusan dan memastikan JANM memberikan perkhidmatan yang lebih responsif kepada pihak berkepentingan.

Strategi 2: Memperkukuh Sistem Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam

Strategi ini memberi penekanan kepada pemantapan dasar, kawalan dalaman dan inovasi proses untuk memperkukuh integriti serta ketelusan sistem kewangan awam. Peningkatan ini memastikan maklumat perakaunan lebih berkualiti, seragam dan boleh dipercayai.

Strategi 3: Meningkatkan Keupayaan Sistem Pelaporan Sektor Awam yang Menyeluruh dan Bersepadu ke arah Tadbir Urus Fiskal yang Lebih Telus, Berakauntabiliti dan Mampan

Strategi ini memperkukuh pelaporan fiskal melalui penggunaan *big data* dan analitik lanjutan bagi menghasilkan laporan yang lebih komprehensif dan telus. Langkah ini menyokong tadbir urus fiskal yang berakauntabiliti dan berasaskan bukti.

Strategi 4: Pembudayaan Digital JANM

Strategi ini memberi tumpuan kepada perluasan pembelajaran berasaskan digital melalui penyediaan modul latihan dalam talian dan penilaian keberkesanan pelaksanaannya. Pendekatan ini menggalakkan budaya pembelajaran berterusan dalam kalangan warga JANM melalui akses latihan yang lebih fleksibel, mudah dicapai dan responsif kepada keperluan tugas.

TERAS STRATEGIK 2

| STRATEGI | PROGRAM |
|--|---|
| <p>S1: Meningkatkan Tahap Penyampaian Perkhidmatan JANM sebagai Pemegang Tunggal Pengurusan Maklumat Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam</p> | <p>P1: Perkongsian Data Kewangan Bersepadu Sektor Awam</p> <hr/> <p>P2: Pemerkasaaan dan Pemantauan Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan</p> <hr/> <p>P3: Kajian Perekayasaan (<i>Re-engineering</i>) Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS)</p> <hr/> <p>P4: Pemerkasaaan Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan (iPayment) sebagai Gerbang Pembayaran Tanpa Tunai Utama Negara</p> <hr/> <p>P5: Kajian Keperluan Pengguna bagi Sistem eSPGL, eMAKLUM, eVENDOR, eGUMIS dan ePenyata Pinjaman</p> |
| <p>S2: Memperkukuh Sistem Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam</p> | <p>P1: Pembangunan Manual dan Pelaksanaan Pengauditan Forensik</p> <hr/> <p>P2: Pembangunan Manual dan Pelaksanaan Pengauditan Sistem</p> |
| <p>S3: Meningkatkan Keupayaan Sistem Pelaporan Sektor Awam yang Menyeluruh dan Bersepadu ke arah Tadbir Urus Fiskal yang Lebih Telus, Berakauntabiliti dan Mampan</p> | <p>P1: Pelaksanaan Laporan Bersepadu di Peringkat Kementerian</p> <hr/> <p>P2: Pembangunan Pelan Strategik Pelaporan Kemampanan Sektor Awam</p> <hr/> <p>P3: Pemerkasaaan Pelaporan Kewangan Entiti Tidak Berasaskan Keuntungan (<i>Non-Profit Organisation</i> - NPO)</p> |
| <p>S4: Pembudayaan Digital JANM</p> | <p>P1: Pemerkasaaan Pembelajaran Digital JANM</p> |

| SASARAN | TEMPOH | TANGGUNG JAWAB |
|--|-------------|----------------|
| Dashboard JANM | 2026 - 2030 | BPOPA |
| 1 Laporan Analisis 1 Pelan Tindakan Pelaksanaan | 2026 - 2030 | BA MOF |
| 1 Kajian | 2026 - 2027 | BKP |
| 5 Integrasi Sistem Agensi | 2026 - 2030 | BKP |
| 1 Kajian | 2026 - 2027 | BPTM |
| Manual Pengauditan Forensik | 2027 - 2028 | BPAD |
| Pelaksanaan Pengauditan Forensik | 2029 - 2030 | |
| Manual Pengauditan Sistem | 2026 - 2027 | BPAD |
| Pelaksanaan Pengauditan Sistem | 2028 - 2030 | |
| 1 Laporan Tahunan 1 Garis Panduan | 2026 - 2029 | BA MOF |
| 1 Laporan Kajian | 2026 | PPPA |
| 1 Pelan Strategik Laporan Kemampanan | 2027 | |
| 1 Garis Panduan | 2026 - 2028 | PPPA |
| 20 Modul Pembelajaran | 2026 - 2030 | IPN |
| 1 Laporan Keberkesanan | 2029 | |

TERAS STRATEGIK 3

Memperkasakan Modal Insan

Pembangunan modal insan yang menjunjung integriti dan akauntabiliti adalah kunci utama untuk membina dan mengekalkan keyakinan rakyat. Kompetensi yang tinggi membolehkan pengurusan kewangan yang mampan, manakala integriti yang kukuh memastikan pengurusan tersebut berlandaskan amanah. Kedua-dua ciri ini saling melengkapi dan penting untuk menjayakan visi MADANI.

Teras Strategik 3 memberi fokus kepada pemerksaan kompetensi pegawai skim perakaunan JANM melalui pengurusan data yang sistematik, pembangunan kerjaya yang dinamik serta peningkatan profesionalisme. Sistem data profil yang dibangunkan berfungsi sebagai sistem maklumat berpusat yang merangkumi profil, kompetensi, latihan dan kemajuan kerjaya skim perkhidmatan perakaunan dan lantikan JANM. Pendekatan ini membolehkan maklumat yang lengkap dan tepat tersedia untuk tujuan perancangan, pembangunan dan pemantauan kerjaya pegawai secara menyeluruh.

Selain itu, Teras Strategik 3 memberi fokus kepada pengukuhan kompetensi profesional secara konsisten bagi memastikan pegawai perakaunan sentiasa cekap dan berwibawa. Dalam konteks ini, pelaksanaan Program Pensijilan Kompetensi Teknikal dirancang untuk memperkukuh dan mengiktiraf kepakaran pegawai, sekaligus melahirkan pakar rujuk yang mampu meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan pengurusan bakat di JANM. Sementara itu, Program Memperkasa Kemahiran Insaniah Akauntan Sektor Awam pula menumpukan kepada pembangunan kemahiran komunikasi, kepimpinan dan profesionalisme secara menyeluruh, membolehkan anggota perkhidmatan perakaunan berfungsi secara efektif dan seimbang dalam persekitaran kerja yang kompleks dan dinamik.



Secara keseluruhannya, Teras Strategik 3 ini memacu pemeraksanaan modal insan perakaunan JANM melalui pembangunan kompetensi teknikal dan insaniah yang berterusan, pengurusan data kerjaya yang sistematik serta peningkatan profesionalisme. Usaha ini memastikan pegawai kekal relevan, berdaya saing dan berkeupayaan tinggi, sekali gus memperkukuh keupayaan JANM sebagai peneraju perakaunan sektor awam yang cekap, berintegriti dan berwibawa.

OBJEKTIF

Teras Strategik 3 mempunyai tiga (3) objektif khusus iaitu:

- Memperkasa pengurusan data profil dan kompetensi pegawai skim perakaunan JANM bagi pembangunan kerjaya yang sistematik dan dinamik.
- Mengukuhkan kompetensi teknikal pegawai perakaunan melalui pelaksanaan program pensijilan yang berstruktur bagi mengiktiraf kepakaran dan melahirkan pakar rujuk dalam bidang-bidang khusus.
- Membangunkan kepimpinan dan kemahiran insaniah pegawai perakaunan melalui program latihan holistik bagi meningkatkan keupayaan strategik, komunikasi dan profesionalisme dalam penyampaian perkhidmatan.

Strategi 1: Memantapkan Pengurusan Modal Insan

Strategi ini memberi penekanan kepada pengurusan data profil dan kompetensi pegawai secara sistematik bagi menyokong perancangan pembangunan kerjaya yang lebih berfokus berasaskan bidang kepakaran serta potensi pegawai. Pengurusan profil pegawai skim perakaunan yang strategik, adil dan berkesan amat penting bagi memastikan warga JANM sentiasa berdaya saing dan relevan dalam memenuhi tuntutan profesion perakaunan sektor awam yang semakin kompleks.

Strategi 2: Pembangunan Kompetensi Profesional bagi Anggota Perkhidmatan Perakaunan

Strategi ini memberi penekanan kepada penilaian kompetensi teknikal melalui pensijilan yang berstruktur. Pensijilan ini mengiktiraf kepakaran pegawai, memperkukuh kemahiran teknikal dan menyokong pengukuhan bidang pengkhususan dalam perakaunan sektor awam. Usaha ini turut menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan serta pengurusan bakat secara lebih sistematik.

Selain itu, strategi ini juga memberi perhatian kepada pemeraksanaan kemahiran insaniah melalui pendekatan latihan holistik dan pendedahan di peringkat nasional serta antarabangsa bagi melahirkan pemimpin akauntan sektor awam yang kompeten, berketerampilan, berwibawa dan berdaya kepimpinan tinggi.

TERAS STRATEGIK 3

| STRATEGI | PROGRAM |
|--|---|
| S1: Memantapkan Pengurusan Modal Insan | P1: Pembangunan Sistem Data Profil |
| S2: Pembangunan Kompetensi Profesional bagi Anggota Perkhidmatan Perakaunan | P1: Pelaksanaan Program Pensijilan Kompetensi Teknikal |
| | P2: Memperkasa Kemahiran Insaniah Akauntan Sektor Awam |

| SASARAN | TEMPOH | TANGGUNG JAWAB |
|---------------------------|-------------|----------------|
| 1 Sistem Data Profil JANM | 2026 - 2027 | BPPP |
| 4 Program Pensijilan | 2026 - 2030 | IPN |
| 8 Akauntan | 2026 - 2030 | IPN |

TERAS STRATEGIK 4


Memperkasakan dan Membudaya Pendigitalan dalam Penyampaian Perkhidmatan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam

JANM memainkan peranan penting dalam pengurusan sumber kewangan negara. Dalam perkembangan transformasi digital dan didorong oleh keupayaan AI, keperluan untuk mentransformasi cara kerja kepada kaedah yang lebih digital, inovatif dan berasaskan data amat mendesak. Cabaran seperti ketelusan, keberkesanan, akauntabiliti dan kemampuan kewangan boleh ditangani secara berkesan melalui penggunaan teknologi dan inovasi yang sesuai.

Pengurusan kewangan dan perakaunan adalah nadi pengurusan sumber negara, tidak terkecuali dari menangani cabaran memastikan ketelusan, keberkesanan, akauntabiliti dan kemampuan kewangan dapat ditangani melalui inisiatif pendigitalan. Teras Strategik 4 ialah tonggak kepada kelangsungan pelaksanaan digital yang memberi fokus kepada pembangunan ICT.

Cabaran global dan ledakan teknologi disruptif seperti teknologi AI, analitik data raya (*big data analytics*), *blockchain*, pengkomputeran awan (*cloud computing*) dan komputer kuantum menuntut peralihan operasi digital yang lebih cekap dan fleksibel. Pada masa yang sama ledakan teknologi disruptif membuka peluang baharu yang mampu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih telus, tangkas dan tuntas.

Pelaksanaan strategi ini adalah selaras dengan RMK13 ke arah menjadikan Malaysia sebagai antara negara AI utama di dunia di bawah pemerksaan GovTech yang memberi tumpuan kepada penerimgunaan teknologi termaju, termasuk AI.



OBJEKTIF

Teras Strategik 4 mempunyai empat (4) objektif khusus iaitu:

- Meningkatkan pelaksanaan transformasi digital dalam sistem kewangan dan perakaunan sektor awam.
- Membudayakan inovasi dalam proses kerja bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan untuk memastikan perkhidmatan yang ditawarkan kekal relevan dalam menghadapi cabaran baharu.
- Mengoptimumkan penggunaan data analitik dalam membuat keputusan berasaskan bukti (*evidence-based decision making*).
- Menyokong pengurusan kewangan mampan melalui sistem digital yang lebih responsif, adaptif dan selamat.

Strategi 1: Transformasi Digital Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan melalui Teknologi Pengkomputeran Awan

Strategi ini adalah untuk memperkukuh keupayaan pengurusan kewangan Kerajaan Persekutuan dengan memanfaatkan teknologi pengkomputeran awan sebagai platform tunggal yang lebih selamat, pantas dan berteraskan kecerdasan buatan. Pelaksanaannya menekankan tadbir urus digital yang mantap, integrasi sistem yang padu serta penggunaan data raya sebagai pemacu utama keputusan strategik.

Strategi ini juga merupakan asas dalam menyokong Kerangka Pembangunan Negara AI yang mampan dan berdaya saing khususnya bagi elemen mempertingkatkan infrastruktur digital dan data seperti digariskan dalam RMK13.

Strategi 2: Rasionalisasi Platform Informasi Jabatan

Strategi ini menekankan rasionalisasi platform maklumat jabatan melalui pewujudan satu platform tunggal atau bersepadu bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih responsif, cepat dan mesra pengguna. Pendekatan ini turut meningkatkan keseragaman maklum balas dengan penggunaan teknologi AI. Di samping itu, strategi ini mengoptimumkan sumber dan mengurangkan kos melalui pengurangan perbelanjaan pembangunan, penyenggaraan dan infrastruktur IT, di samping meminimumkan duplikasi data supaya sumber yang terhad dapat diurus dengan lebih efisien.

TERAS STRATEGIK 4

| STRATEGI | PROGRAM |
|--|---|
| Transformasi Digital Pengurusan Kewangan S1: Kerajaan Persekutuan melalui Teknologi Pengkomputeran Awan | P1: Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem Perakaunan dan Kewangan Kerajaan Persekutuan Baharu <hr/> P2: Menaiktaraf Sistem Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut (SPWTD 2.0) |
| S2: Rasionalisasi Platform Informasi Jabatan | P1: Pembangunan Portal Maklumat Bersepadu JANM |

| SASARAN | TEMPOH | TANGGUNG JAWAB |
|-------------------|-------------|----------------|
| 1 Sistem | 2026 - 2030 | BPTM |
| 1 Sistem | 2026 - 2030 | BWTD |
| 1 Platform/Portal | 2029 - 2030 | BPTM |





PEMANTAUAN
DAN
PENILAIAN

TADBIR URUS PELAN STRATEGIK JANM 2026 - 2030

JANM akan melaksanakan pemantauan dan penilaian dari masa ke semasa bagi memastikan Pelan Strategik JANM 2026 - 2030 ini berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Prestasi pencapaian setiap projek akan dipantau dan diukur serta dibuat penilaian dan semakan semula bagi memastikan projek berjalan dan selesai mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Pemantauan prestasi pencapaian yang berkesan akan turut memfokuskan kepada pembangunan berterusan masa hadapan.

Mekanisme yang digunakan bagi pemantauan dan penilaian terhadap Pelan Strategik JANM 2026 – 2030 ini adalah melalui Kajian Separuh Penggal dan tadbir urus berikut:

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana



Pemilik Program akan mengemaskini dan mengemukakan isu secara berkala kepada urus setia bagi penyatuan dan pelaporan kepada Pengurusan JANM. Pendekatan pelaporan dan pemantauan menyeluruh dan bersepadu ini adalah untuk memastikan pemantauan yang berkesan dan mengelakkan pertindihan pelaksanaan inisiatif strategik JANM. Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik JANM 2026 - 2030 akan dijalankan bagi menyemak kemajuan dan kebolehlaksanaan semua program yang telah digariskan.



**FAKTOR
KEJAYAAN
PELAN
STRATEGIK
JANM
2026 - 2030**

FAKTOR KEJAYAAN PELAN STRATEGIK

Mengenal pasti faktor kejayaan merupakan langkah penting untuk memastikan Pelan Strategik JANM direalisasikan mengikut perancangan. Berikut adalah antara faktor-faktor yang telah dikenal pasti memberikan impak kepada kejayaan Pelan Strategik JANM 2026 - 2030.



PENGLIBATAN PENGURUSAN ATASAN

Penglibatan pengurusan atasan adalah amat signifikan sebagai pemangkin utama kepada penetapan hala tuju organisasi dan pembuatan keputusan strategik. Sudut pandang pengurusan atasan yang lebih menyeluruh terhadap organisasi merangkumi isu semasa, risiko serta peluang boleh dimanfaatkan agar setiap keputusan strategik selari dengan objektif jangka panjang organisasi. Pandangan menyeluruh ini membolehkan setiap keputusan strategik yang dibuat selari dengan objektif jangka panjang organisasi. Selain itu, penglibatan aktif pengurusan atasan turut memastikan perancangan dan pengagihan sumber dilaksanakan secara teratur, menyeluruh dan berkesan.

PERANCANGAN YANG JELAS DAN REALISTIK

Perancangan yang jelas dan realistik menyediakan hala tuju yang jelas bagi sesuatu tindakan. Perancangan rapi pengurusan sumber melibatkan manusia, kewangan dan teknikal dapat diurus secara sistematik melalui pemantauan prestasi yang berkesan bagi meningkatkan kecekapan dan meminimakan risiko melalui langkah mitigasi yang bersesuaian. Perancangan yang jelas juga akan meningkatkan keyakinan serta komitmen pegawai dalam merealisasikan pelaksanaan Pelan Strategik jabatan.

PENGURUSAN RISIKO YANG BERKESAN

Pengurusan risiko yang berkesan memberi impak besar bagi memastikan setiap potensi ancaman atau ketidakpastian yang boleh menjejaskan pelaksanaan strategi dikenal pasti, dinilai dan diurus secara proaktif. Dengan adanya mekanisme pengurusan risiko yang mantap, jabatan dapat merancang tindakan mitigasi, mengurangkan risiko kegagalan projek dan mengekalkan kesinambungan operasi.

PENGURUSAN SUMBER YANG EFISIEN

Pengurusan sumber menentukan kelancaran pelaksanaan sesuatu projek. Agihan sumber secara efisien menjadi pemangkin kepada pencapaian sasaran dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, pengurusan sumber yang cekap juga membolehkan keputusan pihak pengurusan atasan dilaksanakan secara berkesan.

KPI YANG JELAS DAN BOLEH DIUKUR

KPI yang jelas menjadi penanda aras untuk menilai prestasi dan pencapaian setiap projek yang dirancang. Penetapan KPI yang spesifik dan boleh diukur membolehkan warga JANM memahami matlamat yang perlu dicapai serta memudahkan pemantauan dan penilaian secara berkala. Selain itu, ia juga akan meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan kerana setiap pencapaian dapat diukur secara objektif serta membolehkan tindakan pembetulan diambil jika pelaksanaan projek tersasar dari matlamat atau tempoh masa yang ditetapkan.

KERJASAMA STRATEGIK DAN LIBAT URUS BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

Kerjasama strategik dan libat urus dengan pihak berkepentingan dapat meningkatkan komitmen serta sokongan terhadap pelaksanaan projek yang dirancang. Ia juga membolehkan pertukaran maklumat dan idea secara inovatif yang dilihat mampu memperkukuh koordinasi serta keberkesanan pelaksanaan sesuatu projek dalam mencapai matlamat strategik jabatan.





PENUTUP

PENUTUP

Pelan Strategik JANM 2026–2030 berperanan sebagai dokumen utama yang menyatukan hala tuju serta menggerakkan komitmen setiap warga JANM ke arah pencapaian visi dan misi jabatan. Pelan ini menetapkan sebanyak empat (4) teras strategik, 10 strategi dan 23 program yang telah ditetapkan akan menjadi panduan warga JANM bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Melalui Pelan Strategik ini, JANM komited mentransformasikan penyampaian perkhidmatan melalui pendigitalan menyeluruh, pemanfaatan data dan peningkatan profesionalisme warga kerja yang berterusan.

Seiring dengan aspirasi negara yang memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi inklusif dan mampan, JANM memainkan peranan penting melalui penyampaian perkhidmatan kewangan dan perakaunan yang tepat, telus dan berintegriti. Selari dengan keperluan ekosistem perkhidmatan awam yang semakin kompleks dan berasaskan teknologi, pelan ini memberi penekanan terhadap pembudayaan pendigitalan dan pemanfaatan data sebagai pemangkin utama transformasi.

Dengan visi yang jelas dan strategi yang tuntas, JANM akan terus kekal komited memacu kecemerlangan, mendasari amanah negara dan melakar masa depan pengurusan perakaunan dan kewangan sektor awam yang lebih mampan dan berdaya saing. Kerjasama padu seluruh warga JANM amat diperlukan bagi memastikan setiap inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan efektif dan memberi kesan bermakna kepada negara.



LAMPIRAN

GLOSARI

| | |
|---------------|--|
| AI | <i>Artificial Intelligence / Kecerdasan Buatan</i> |
| ANM | Akauntan Negara Malaysia |
| ARPA | Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam |
| BA MOF | Bahagian Akaun Kementerian Kewangan |
| BKP | Bahagian Khidmat Perunding |
| BPAD | Bahagian Pengurusan Audit Dalam |
| BPOPA | Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi |
| BPOPP | Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakauan |
| BPPP | Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan |
| BPTM | Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat |
| BSP | Pelan Strategik <i>Business</i> |
| BWTD | Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut |
| CFO | Ketua Pegawai Kewangan |
| DDMS | <i>Digital Document Management System</i> |
| eGUMIS | <i>Electronic Government Unclaimed Money Information System</i> |
| ESG | <i>Environmental, Social and Governance</i> |
| eSPGL | Sistem ePenyata Gaji dan Laporan |
| ICT | <i>Information and Communication Technology</i> |
| iGFMAS | <i>Integrated Government Financial Management and Accounting System</i> |
| IPN | Institut Perakaunan Negara |
| IPSAS | <i>International Public Sector Accounting Standards / Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa</i> |
| IPT | Institut Pengajian Tinggi |
| IPTA | Institut Pengajian Tinggi Awam |
| iSPEKS | Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri |
| JANM | Jabatan Akauntan Negara Malaysia |
| JK | Jawatankuasa |
| KPI | <i>Key Performance Indicator / Petunjuk Prestasi Utama</i> |
| LPPSA | Lembaga Pinjaman Perubahan Sektor Awam |
| MOU | <i>Memorandum of Understanding / Memorandum Persefahaman</i> |
| MPSAS | <i>Malaysian Public Sector Accounting Standards / Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia</i> |
| NPO | <i>Non-Profit Organisation / Entiti Tidak Berasaskan Keuntungan</i> |
| PPPA | Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan |
| PSP | Pelan Strategik Pendigitalan |
| RMK13 | Rancangan Malaysia Ketiga Belas |
| RPA | <i>Robotic Process Automation</i> |
| SDG | <i>Sustainable Development Goals / Strategi Pembangunan Mampan</i> |
| SKR | Strategi Keberhasilan Reformasi |
| SME | <i>Subject Matter Expert</i> |
| SPWTD | Sistem Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut |
| TKR | Teras Keberhasilan Reformasi |
| WTD | Wang Tak Dituntut |

PENGHARGAAN

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan dan menghasilkan Pelan Strategik JANM 2026 - 2030.

PERAKAUNAN DAN KEWANGAN MAMPAN MELALUI PENDIGITALAN

Excellent Accounting @ Your Service

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya

📞 03 - 8882 1000
🌐 www.anm.gov.my

📘 Jabatan Akauntan Negara Malaysia
📺 Jabatan Akauntan Negara Malaysia
📷 [official.janm](#)
🎵 [jabatan_akauntan](#)